

21/02/1999

Setia kepada tokoh jejaskan Umno

BANGI: Budaya memberi kesetiaan terhadap personaliti dan bukan kepada parti boleh menjejaskan masa depan Umno serta menyebabkan orang Melayu hilang kepercayaan terhadap parti itu.

Sambil menyifatkan budaya itu boleh mendorong ahli bertindak sesuatu untuk membuktikan kesetiaan mereka, bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam, berkata tindakan berkenaan dibuat bagi mendapat ganjaran pangkat, harta serta peluang perniagaan.

"Orang Melayu sudah menukar budaya hasil pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Mereka lebih bersikap materialistik dan taraf kemajuan pula diukur dengan harta dan wang.

"Keadaan akan berubah, jika ahli parti yang memerintah menumpukan kesetiaan kepada personaliti, bukan perkhidmatan kepada komuniti," katanya pada Pidato Umum anjuran Kelab Pemidato Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama Persatuan Pegawai-Pegawai Tadbir dan Iktisas, di sini semalam.

Dalam pidato Malaysia Dalam Era Globalisasi - Suatu Pandangan Bekas Timbalan Perdana Menteri, Musa berkata, budaya itu juga menyebabkan pegawai yang diberi tugas atau jawatan dinilai daripada kesetiaan mereka.

"Jika dulu pegawai dinilai boleh kerja tak, tetapi kini boleh percaya tak. Implikasi kesetiaan itu menyebabkan ada orang boleh membuat apa saja kerana kesetiaan melebihi segala-galanya," katanya.

Serentak itu, beliau meminta UKM dan universiti lain bekerjasama membuat kajian awal mengenai masa depan orang Melayu dalam pendidikan pada era globalisasi dan Wawasan 2020.

Beliau yang melahirkan kebimbangan mengenai kedudukan orang Melayu berkata, kajian mendalam mengenai era globalisasi dapat membantu pemimpin membuat sesuatu.

Menurutnya, orang Melayu tidak boleh mengambil mudah mengenai jumlah universiti tetapi pengisian sebenar, untuk mengukur masa depan dalam era globalisasi.

Mengenai usaha menarik pelabur, Musa menggariskan tiga langkah yang perlu diambil kerajaan iaitu mengelak Malaysia dikenali negara rasuah, kronisme dan nepotisme.

"Kalau Malaysia hendak menjadi negara menarik kepada pelabur asing, kita jangan mewujudkan negara rasuah yang berleluasa.

"Pelabur akan menilai sebesar mana darjah rasuah di sesebuah negara. Jika mereka terpaksa bersaing dengan kroni untuk mendapat sesuatu, baik mereka tidak datang," katanya.

Sehubungan itu, katanya, pentadbir perlu mewujudkan sikap bertanggungjawab dan ketelusan dalam pentadbiran untuk mengelak penyalahgunaan kuasa dan rasuah sehingga mengikis minat pelabur asing.

"Kita harus menerima realiti bahawa perubahan berterusan dari semasa ke semasa kerana kita adalah masyarakat dinamik. Perubahan perlu ditangani sebaik mungkin, dan kita mengubah suai sistem pentadbiran negara," katanya.

Musa berkata, untuk menghadapi era globalisasi Malaysia perlu memperluaskan diri dan mengetuai kumpulan yang peka dan prihatin terhadap kesan daripada ledakan maklumat.

"Sama ada mahu atau tidak, kita perlu melengkapkan diri dengan maklumat, pengetahuan dan cara pentadbiran moden untuk menguasai ekonomi, politik dan sosial pada era globalisasi," katanya.

Menurutnya, kesungguhan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menghadapi era globalisasi bukan perkara baru, kerana beliau pernah membangkitkan mengenai kesan teknologi maklumat dalam mesyuarat Kabinet 20 tahun lalu.

Katanya, Perdana Menteri juga adalah antara pemimpin awal yang memberi peringatan dalam persidangan Umno mengenai kesan Aids yang akan mengancam dunia.

(END)